

**PENGHASILAN DAN PENILAIAN MODUL PEMBELAJARAN PELARASAN  
AKAUN. SATU KAJIAN KES DI POLITEKNIK**

**SUHAILA BINTI MAT NOR**

Projek Sarjana ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat  
penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan (Teknik dan Vokasional)



Jabatan Pendidikan Teknik dan Vokasional  
Fakulti Teknologi Kejuruteraan  
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussien Onn

**SEPTEMBER 2003**

***Khas Buat Ayah dan Bonda Tercinta..***

*Haji Mat Nor bin Awang dan Hajah Meriam Binti Daud,  
Terima kasih di atas segala-galanya dan semoga Allah memberkati segala jasmu  
berdua dalam mendidik diriku*

***Teristimwa Buat Kekanda-kekanda dan Ahli Keluarga Tersayang,***  
*Terima kasih di atas segala bantuan dan dorongan yang diberikan sepanjang  
pengajianku.*

***Khas Buat Sahabat dan Rakan-rakan Seperjuangan Yang Dikasihii.***  
*Ikatan persahabatan suci yang terjalin di antara kita akan ku kenang ke akhir  
hayat. Semoga kejayaan dan kebahagiaan menjadi milik kita  
bersama. Insyaallah...*

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah, bersyukur atas keredhaan Yang Maha Kuasa atas izinNya dapat saya menyiapkan laporan projek sarjana ini dengan baik dan sempurna. Saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih buat pembimbing saya, Puan Hajah Sarebah Binti Warman di atas masa yang diluangkan, bimbingan dan kerjasama serta idea yang diberikan sepanjang kajian yang dijalankan ini.

Sekalung penghargaan juga ditujukan kepada kedua-dua ahli panel iaitu P.M. Dr. Maizam Alias dan Tn. Hj. Mohd Talib Bon yang telah memberikan saranan, cadangan dan nasihat dalam membantu meningkatkan kualiti projek sarjana ini.

Tidak lupa juga diucapkan ribuan terima kasih kepada Ketua Jabatan Perdagangan POLISAS, En. Md. Amzah Hj. Ahmad yang telah memberi kebenaran kepada saya untuk menjalankan kajian, Pn. Jidarulaila Salleh yang membenarkan saya 'meminjam' kelasnya untuk satu tempoh tertentu dan juga pelajar-pelajar kelas 1B semester 1 Diploma Akauntansi sesi 2003/2004 di POLISAS yang telah banyak membantu dan memberikan kerjasama kepada saya bagi menyiapkan projek sarjana ini.

Penghargaan ini juga ditujukan khas buat rakan-rakan seperjuangan tersayang terutamanya Sanuzee Shafie, Haszlina Hashim, Nur Azyati Yahya, Syuhairah Ghani, Noriani Sambri, Noorafzarini Md. Zahari dan Nur Iliza Misnan serta mereka yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam membantu menjayakan projek sarjana ini. Semoga segala usaha dan bakti yang telah kalian semua curahkan diterima dan diberkati oleh Allah S.W.T.

## ABSTRAK

Modul Pembelajaran merupakan satu media pengajaran yang dibentuk untuk membantu dalam proses pembelajaran pelajar. Objektif kajian ini adalah untuk menilai sejauh mana Modul Pembelajaran Pelarasan Akaun dapat membantu proses pembelajaran pelajar dari aspek kesesuaian isi kandungan, ciri-ciri mesra pengguna dan tahap kebolehlaksanaan. Di samping itu juga kajian ini mengenal pasti adakah terdapat perbezaan pencapaian markah pelajar selepas menggunakan kaedah pembelajaran bermodul. Responden kajian terdiri daripada 52 orang pelajar semester satu sesi 2003/2004 Diploma Akauntansi di Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah (POLISAS). Reka bentuk kajian yang digunakan ialah kaedah tinjauan dan eksperimental. Instrumen yang digunakan dalam kajian ini ialah jenis soal selidik dan soalan ujian pra dan ujian selepas. Data-data yang dikumpulkan dianalisis menggunakan pakej perisian SPSS (*Statistical Packages for Social Sciences*) versi 11.0 bagi mendapatkan skor min dan ujian T (*Paired-Samples T Test*). Dapatan kajian menunjukkan isi kandungan modul adalah memenuhi keperluan modul berdasarkan kepada skor min yang berada pada tahap tinggi iaitu 3.88. Ciri mesra pengguna dalam modul juga berada pada tahap tinggi dengan skor min 4.06. Hasil kajian juga mendapati modul yang dihasilkan bersifat kebolehlaksanaan dalam membantu proses pembelajaran pelajar dengan skor min 3.89. Selain itu dapatan kajian menunjukkan terdapat perbezaan pencapaian markah yang signifikan oleh pelajar selepas menggunakan kaedah pembelajaran bermodul. Cadangan-cadangan dikemukakan untuk menunjukkan bagaimana Modul Pembelajaran Pelarasan Akaun boleh dilaksanakan dengan lebih efektif dan efisien dalam usaha membantu proses pembelajaran pelajar.

## ABSTRACT

Learning Module is a teaching media which was developed to enhance learning process. The objective of this study is to evaluate the effectiveness of Account Adjustment Learning Module in the aspect of learning process in terms of adaptability of the content, user friendliness characteristics and the level of viability. This study also identify whether there are any differences in students achievement after using learning module. 52 students of semester 1 session 2003/2004 Diploma of Accountancy Politeknik Sultan Ahmad Shah (POLISAS) were selected as respondents. By using questionnaires, the evaluation was based on the perception of respondents towards the module. The data collected were then analyzed by using Statistical Packages for Social Sciences (SPSS) version 11.0 which were represented by mean scores and T test function. The findings show that in terms of the content, user friendliness characteristic and the viability of the module were at a high level. The hypothesis testing indicated that there was a significant difference of student achievement after using learning module. In the light of these findings, it was suggested that the application of learning module can be applied effectively and efficiently in order to assist and facilitate the student learning process.

**ISI KANDUNGAN**

<b>BAB</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
	<b>BORANG PENYERAHAN KAJIAN KES</b>	
	<b>HALAMAN PENGESAHAN PENYELIA</b>	
	<b>HALAMAN JUDUL</b>	i
	<b>HALAMAN PENGAKUAN PENKAKAJI</b>	ii
	<b>HALAMAN DEDIKASI</b>	iii
	<b>PENGHARGAAN</b>	iv
	<b>ABSTRAK</b>	v
	<b>ABSTRACT</b>	vi
	<b>HALAMAN KANDUNGAN</b>	vii
	<b>HALAMAN SENARAI JADUAL</b>	xiv
	<b>HALAMAN SENARAI RAJAH</b>	xv
	<b>HALAMAN SENARAI SINGKATAN</b>	xvi
	<b>HALAMAN SENARAI LAMPIRAN</b>	xvii

**BAHAGIAN SATU****BAB 1      PENDAHULUAN**

1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Masalah	2
1.3 Penyataan Masalah	5
1.4 Skop Kajian	6
1.5 Persoalan Kajian	6
1.6 Objektif Kajian	7
1.7 Hipotesis Kajian	7
1.8 Kerangka Teori	8
1.9 Kepentingan Kajian	9
1.10. Definisi Operasional	
1.10.1 Penghasilan	10
1.10.2 Penilaian	10
1.10.3 Modul	10
1.10.4 Pembelajaran	11
1.10.5 Pelarasan Akaun	11
1.10.6 Politeknik	11

**BAHAGIAN DUA****BAB II SOROTAN PENULISAN**

2.1 Pendahuluan	12
2.2 Konsep dan Definisi Modul	13
2.3 Ciri-ciri Modul	14
2.4 Komponen Sesebuah Modul	17
2.5 Pemilihan Isi Pelajaran	19
2.6 Tujuan Pengajaran Bermodul	20
2.7 Kepentingan Pembelajaran Bermodul	
2.7.1 Kepentingan Kepada Pelajar	22
2.7.2 Kepentingan Kepada Pendidik	23
2.8 Kajian-kajian Lepas	25
2.9 Kesimpulan	26



PTM  
PERPUSTAKAAN TUN AMINAH



## BAHAGIAN TIGA

### BAB III METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan	27
3.2 Reka Bentuk Kajian	
3.2.1 Kaedah Eksperimental	28
3.2.2 Kaedah Tinjauan	28
3.3 Populasi dan Sampel Kajian	29
3.4 Instrumen Kajian	
3.4.1 Borang Soal selidik	31
3.4.2 Ujian Pra dan Ujian Selepas	33
3.4.3 Modul Pembelajaran Pelarasan Akaun	34
3.5 Kajian Rintis	34
3.5.1 Modul	
3.5.2 Borang Soal Selidik	35
3.6 Kesahan dan Kebolehpercayaan	36
3.7 Kronologi Kajian	38
3.8 Kaedah Analisis Data	39
3.9 Batasan Kajian	40
3.10 Andaian Kajian	40

## BAHAGIAN EMPAT

### BAB IV REKA BENTUK PRODUK

4.1 Pengenalan	41
4.2 Reka Bentuk Modul	
4.2.1 Bentuk dan ciri-ciri modul	42
4.2.2 Proses penghasilan modul	43
4.3 Kronologi Pembinaan Modul	
4.3.1 Analisis dan perancangan modul	44
4.3.2 Pengumpulan dan penilaian bahan modul	44
4.3.3 Reka bentuk dan Pembinaan Modul Pembelajaran	45
4.3.4 Penilaian modul dan pembetulan	45
4.3.5 Dokumentasi modul	45
4.4 Kandungan Modul Pembelajaran Pelarasan Akaun	46
4.5 Prosedur Penggunaan Modul	49
4.6 Bahan, Kos dan Masa Pembinaan Modul	
4.6.1 Bahan dan Kos pembinaan modul	50
4.6.2 Masa penghasilan modul	51
4.7 Permasalahan dalam Membina Modul	52
4.8 Penilaian Produk	52
4.9 Kesimpulan	53

## BAHAGIAN LIMA

### BAB V ANALISIS DATA

5.1 Pengenalan	54
5.2 Dapatan kajian	55
5.3 Analisis Bahagian A	56
5.3.1 Analisis item bagi aspek isi kandungan	57
5.3.2 Analisis item bagi aspek mesra pengguna	58
5.3.3 Analisis item bagi aspek kebolehlaksanaan	60
5.4 Analisis Bahagian B	63
5.5 Kesimpulan	64

## BAHAGIAN ENAM

### BAB VI PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

6.1 Pengenalan	65
6.2 Perbincangan	
6.2.1 Isi kandungan modul	66
6.2.2 Ciri-ciri mesra pengguna dalam modul	68
6.2.3 Kebolehlaksanaan modul	69

6.2.4 Kewujudan perbezaan pencapaian markah pelajar selepas menggunakan kaedah pembelajaran bermodul	70
6.3 Kesimpulan	71
6.4 Cadangan	
6.4.1 Kajian akan datang	72
6.4.2 Penambahbaikan modul	73
6.5 Penutup	74

## BAHAGIAN TUJUH

### RUJUKAN

75

## BAHAGIAN LAPAN

### LAMPIRAN A – H

79-90

**SENARAI JADUAL**

<b>NO JADUAL</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
3.1	Spesifikasi Item Instrumen	32
3.2	Skala Likert	33
3.3	Jadual Tafsiran Min	39
4.1	Unit-unit dalam tajuk Pelarasan Akaun	46
4.2	Bahan dan kos yang dilibatkan dalam penghasilan modul	51
5.1	Jadual tafsiran min	56
5.2	Skor min bagi aspek isi kandungan	57
5.3	Skor min bagi aspek mesra pengguna	59
5.4	Skor min bagi aspek kebolehlaksanaan	61
5.5	Analisis deskriptif min markah ujian dan nilai signifikan	64

## SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
1.1	Kerangka teori kajian	8
3.1	Kronologi kajian	38
4.1	Prosedur penggunaan Modul Pembelajaran Pelarasan Akaun	49



PTTA UTHM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

**SENARAI SINGKATAN****SINGKATAN****HURAIAN PENUH**

POLISAS	-	Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah
SDT	-	Soalan dalam Teks
SPK	-	Soalan Penilaian Kendiri



**PTTA UTHM**  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

## SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	MUKA SURAT
A	Borang Soal Selidik	79
B	Ujian Pra dan Ujian Selepas	84
C	Borang Pengesahan Pakar	85
D	Kajian Rintis: Nilai Kebolehpercayaan Soal Selidik ( <i>Alpha Cronbach</i> )	86
E	Bahagian A : Analisis Skor Min dan Sisihan Piawai Isi Kandungan Modul	87
F	Analisis Skor Min dan Sisihan Piawai Mesra Pengguna	88
G	Bahagian A : Analisis Skor Min dan Sisihan Piawai Kebolehlaksanaan	89
H	Ujian T	90



## **BAB I**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.1 Pengenalan**

Alat bahan bantu mengajar (ABBM) merupakan satu elemen penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Dalam banyak keadaan, ABBM bukan sahaja dapat membantu meningkatkan keberkesanan dalam pengajaran malah ia membantu memudahkan proses pembelajaran khususnya dalam memahami konsep-konsep atau idea-idea yang abstrak dan kompleks. Selain daripada menjimatkan masa, penggunaan ABBM dapat memenuhi keperluan, tahap dan citarasa yang berbeza di kalangan pelajar-pelajar (Supyan, 2000).

Dalam mempelajari mata pelajaran perakaunan, proses pengajaran hendaklah daripada yang senang ke susah dan dari yang tidak diketahui kepada yang diketahui (Zaidatol Akmaliah & Habibah, 2000). Oleh itu, bagi seseorang pensyarah perakaunan perlulah bijak dalam memilih dan menyediakan ABBM yang pelbagai supaya pelajar

meraka dapat memahami isi mata pelajaran perakaunan yang banyak bercirikan konsep dan penggiraan.

Modul pembelajaran merupakan salah satu daripada ABBM yang boleh digunakan oleh guru dan pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Modul pembelajaran merupakan pakej bahan pengajaran-pembelajaran di mana ia membolehkan pelajar belajar sendiri. Ia hanya memerlukan penggunaan masa yang singkat dan pelajar dapat belajar sendiri mengikut kesesuaian masanya. Menurut Sharifah Alwiyah (1987), modul bertujuan untuk memperkayakan bahan pengajaran dan pembelajaran sesuatu mata pelajaran dan pada masa yang sama berfungsi sebagai alat bahan bantu mengajar bagi menyokong sesi pembelajaran.

## 1.2 Latar Belakang Masalah

Proses pembelajaran dikatakan berlaku apabila wujudnya satu perubahan tingkahlaku yang berlaku pada seseorang. Menurut Baharuddin *et. al* (2000), pembelajaran adalah satu keputusan daripada pengalaman atau interaksi dengan persekitaran yang akan meningkatkan tahap ketahanan seseorang dalam menempuh kehidupan.

Proses pembelajaran kebanyakan pelajar di Politeknik adalah bergantung kepada pengajaran pensyarah mereka. Situasi sebegini akan menimbulkan masalah yang besar kepada pelajar yang lambat menangkap dan menguasai isi pelajaran yang diajar oleh pensyarah mereka kerana di dalam kelas pensyarah akan lebih memberikan penerangan berkaitan isi pelajaran bagi membolehkan keseluruhan topik diajar mengikut jadual

pengajaran yang ditetapkan. Keadaan ini boleh menyebabkan motivasi dan minat pelajar untuk mempelajari mata pelajaran tersebut menurun.

Perakaunan Awalan merupakan mata pelajaran yang wajib diikuti oleh pelajar yang mengambil kursus Diploma Akauntasi pada semester satu pengajian. Bagi pelajar yang datang dari aliran perdagangan semasa di sekolah menengah, mata pelajaran ini tidak begitu sukar kepada mereka kerana asas-asas perakaunan telah mereka pelajari dalam mata pelajaran Prinsip Akaun semasa di tingkatan 4 dan 5. Masalah untuk menguasai mata pelajaran ini terutamanya bagi topik Pelarasan Akaun timbul di kalangan pelajar yang tidak mempunyai asas-asas perakaunan tetapi mengikuti kursus Diploma Akauntasi di Politeknik. Daripada temubual pengkaji dengan beberapa orang pelajar Politeknik, didapati mereka sukar untuk menguasai mata pelajaran tersebut. Ini kerana menurut mereka, pensyarah hanya akan menekankan perkara-perkara yang penting sahaja semasa di dalam kelas supaya silabus mata pelajaran dapat dihabiskan.

Kebanyakan pendidik sedar akan kewujudan perbezaan individu di kalangan para pelajar seperti dari segi minat terhadap mata pelajaran, latar belakang, gaya belajar, nilai, motivasi dan lain-lain (Shaharom dan Yap, 1993). Masalah yang wujud ini kadang-kala dapat diselesaikan oleh pendidik bagi membantu meringankan kesulitan yang dihadapi. Namun menurut Shaharom dan Yap (1993), dalam situasi pengajaran dan pembelajaran sebenar, didapati para pelajar biasanya terikat pada urutan pengajaran dan bahan-bahan pembelajaran yang sama seperti yang dialami oleh rakan-rakan mereka yang lain. Akhirnya pelajar yang kurang keupayaan dan kurang kebolehan kognitifnya sentiasa mengalami kesukaran kerana tidak dapat menyaingi pelajar lain, di samping tidak dapat memenuhi kehendak pensyarah mereka.

Menurut Shaharom dan Yap (1993), salah satu kaedah yang boleh digunakan untuk mengatasi masalah tersebut ialah dengan mengindividukan pengajaran menerusi

pengubahsuaian yang dilakukan terhadap bahan dan aktiviti-aktiviti pembelajaran supaya sesuai mengikut kebolehan para pelajar, contohnya seperti penghasilan modul pembelajaran. Menurut mereka lagi, dengan adanya modul pembelajaran sendiri, kemudahlaturan dan kebebasan para pelajar akan mudah dibentuk bagi meneruskan proses pembelajaran mengikut kebolehan dan gaya masing-masing. Ini terbukti dengan hasil kajian yang diperolehi oleh mereka menunjukkan terdapat peningkatan markah yang signifikan di kalangan pelajar sekolah menengah bagi mata pelajaran sains setelah mengikuti pembelajaran bermodul.

Sharifah Alwiyah (1987) pula menyatakan penggunaan modul menjadikan penyampaian dalam pengajaran dan pembelajaran lebih berkesan. Ini kerana segala maklumat yang terkandung dalam modul adalah lengkap merangkumi objektif pembelajaran dan aktiviti-aktiviti atau latih tubi untuk pembelajaran pelajar. Oleh itu penggunaan modul dapat memudahkan guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Selain itu pelajar juga boleh menggunakannya pada bila-bila masa sebagai bahan rujukan untuk memudahkan lagi pemahaman mereka.

Sesuai dengan mata pelajaran perakaunan yang melibatkan aktiviti membaca dan mengira, penghasilan Modul Pembelajaran sebagai salah satu bahan pembelajaran yang efektif adalah tepat.

### 1.3 Penyataan Masalah

Berdasarkan pemerhatian pengkaji, proses pengajaran dan pembelajaran pelajar di Politeknik banyak bergantung kepada pengajaran daripada pensyarah mereka. Ini menunjukkan kebergantungan pelajar terhadap para pensyarah mereka adalah tinggi. Apabila pelajar terlalu bergantung kepada pengajaran pensyarah semata-mata, ia akan menyukarkan mereka untuk menguasai dan memahami pelajaran yang diajar kerana pensyarah hanya bertindak sebagai fasilitator di dalam kelas. Situasi ini turut dialami sendiri oleh pengkaji semasa menjalani latihan mengajar di Politeknik.

Menurut Baharudin, *et. al* (2000), kaedah penyampaian pelajaran berbentuk tradisional kebanyakannya berbentuk satu hala, iaitu guru memberi penerangan sementara pelajar menjadi pendengar. Kaedah ini juga dikenali sebagai pembelajaran berpusatkan guru. Kaedah sebegini boleh mengurangkan minat pelajar terhadap mata pelajaran tersebut dan akhirnya mengkategorikannya sebagai mata pelajaran yang sukar untuk difahami. Di samping itu juga, interaksi pelajar dengan mata pelajaran itu sendiri turut terbatas kerana guru mengajar tanpa mementingkan tahap keupayaan pembelajaran pelajar (Baharudin, *et. al* 2000).

Berlatarbelakangkan masalah ini dan menyedari tentang potensi modul di dalam proses pengajaran dan pembelajaran serta kekurangan bahan-bahan rujukan dalam bentuk yang lebih teratur khususnya dalam bidang perakaunan, pengkaji berhasrat menghasilkan sebuah Modul Pembelajaran bagi mata pelajaran Perakaunan Awalan bagi membantu proses pembelajaran pelajar-pelajar di Politeknik. Pengkaji telah memilih topik Pelarasan Akaun kerana didapati para pelajar sukar untuk menguasai topik ini. Diharapkan dengan adanya modul pembelajaran ini, para pelajar dapat belajar sendiri tanpa bergantung sepenuhnya terhadap pengajaran daripada pensyarah mereka untuk menguasai isi pelajaran.

#### 1.4 Skop Kajian

Kajian ini hanya akan difokuskan kepada pelajar-pelajar semester satu sesi 2003/2004, kursus Diploma Akauntansi di Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah (POLISAS) yang mengambil mata pelajaran Perakaunan Awalan (P 1105).

#### 1.5 Persoalan Kajian

Berikut ialah soalan kajian yang telah dikenalpasti:

- i) Sejauhmanakah isi kandungan dalam Modul Pembelajaran Pelarasan Akaun yang dihasilkan dapat memenuhi keperluan modul?
- ii) Sejauhmanakah Modul Pembelajaran Pelarasan Akaun yang dihasilkan mempunyai ciri-ciri mesra pengguna dalam meningkatkan lagi penggunaan modul?
- iii) Sejauhmanakah Modul Pembelajaran Pelarasan Akaun yang dihasilkan bersifat kebolehlaksanaan dalam membantu proses pembelajaran pelajar?
- iv) Adakah terdapat perbezaan pencapaian markah pelajar selepas menggunakan kaedah pembelajaran bermodul?

## 1.6 Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah untuk:

- i) Menghasilkan Modul Pembelajaran Pelarasan Akaun yang mengandungi isi kandungan yang dapat memenuhi keperluan modul.
- ii) Menghasilkan Modul Pembelajaran Pelarasan Akaun yang mempunyai ciri-ciri mesra pengguna dalam meningkatkan lagi penggunaan modul.
- iii) Menghasilkan Modul Pembelajaran Pelarasan Akaun yang bersifat kebolehlaksanaan dalam membantu proses pembelajaran pelajar

## 1.7 Hipotesis Kajian

Melalui persoalan kajian yang keempat, pengkaji telah membuat andaian dalam hipotesis bahawa:

Hipotesis Nul ( $H_0$ ):


Tidak terdapat perbezaan min markah yang signifikan sebelum dan selepas menggunakan kaedah pembelajaran bermodul.

Hipotesis Alternatif ( $H_1$ ):

Terdapat perbezaan min markah yang signifikan sebelum dan selepas menggunakan kaedah pembelajaran bermodul.



## 1.8 KerangkaTeori




Sumber: Sharifah Alwiyah (1987) dan Shaharom & Yap (1992)

**Rajah 1.1 : Kerangka teori kajian**

Kerangka teori yang dibina ini adalah berdasarkan kepada pembelajaran yang dicadangkan oleh Bloom (1968) dalam Shaharom & Yap (1992), iaitu menggunakan





**RUJUKAN**

Clarke, K & Crook, F. (1981). *An introduction to book-keeping and accounts*. Second Edition. Landon : Holt Rinehart and Winston.

Che Zuriana Muhamad Jamil *et. all.* (2001). *Perakaunan perniagaan*. Kedah : Penerbit Universiti Utara Malaysia.

Hooi Lan Wan *et. all.* (2003). *Fokus ungu masteri SPM: Prinsip perakaunan*. Selangor: Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Koh, S. T. & Laien, K. (1985). *Financial managerial accounting vaume 1*. Petaling Jaya : Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Wood, F. (1986). *Perakaunan perniagaan: Bahagian 1*. Edisi Kedua. Kuala Lumpur : Longman Malaysia Sdn. Bhd.